



## Merangkumi

- Pembekalan mineral/ bahan batuan hanya daripada stokpil sedia ada sahaja.
- Pengangkutan dari lombong/ kuari ke premis/ tapak projek.
- Kebenaran hanya kepada projek pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal yang disahkan oleh CIDB sahaja.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Pengorekan dan pengekstrakan mineral dan bahan batuan.
- Peletupan.
- Menyimpan, memproses mineral dan bahan batuan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Setiap syarikat prinsipal perlu menyenaraikan dan memohon bersekali kebenaran beroperasi bagi sub kontraktor di bawahnya dari Agensi Diberi Kuasa (KeTSA) untuk meluluskan.
- Perlu mendapatkan kelulusan dan pengesahan dari Agensi yang Diberi Kuasa (MITI, MOT dan lain-lain)
- Setiap kelulusan hendaklah dimaklumkan kepada KeTSA/JMG .

**Waktu Beroperasi**

8.00 pagi hingga 5.00 petang

**Waktu Kehadiran Pelanggan**

Secara maya sahaja

**Kapasiti Tenaga Kerja**

**Rujuk Jadual Aktiviti dan Protokol**

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pematuhan Kawalan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan saringan termasuk imbasan suhu dan taklimat kesihatan kepada pekerja pada setiap hari bekerja. Hanya pekerja dengan suhu 37.5 °C dan kurang serta yang tidak mempunyai batuk, sakit tekak atau susah nafas sahaja dibenarkan bekerja.</li> <li>• Menyediakan <i>hand sanitizer</i> di lokasi-lokasi utama.</li> <li>• Mematuhi penjarakan fizikal.</li> <li>• Melaporkan kepada KKM dan JMG jika terdapat pekerja yang dijangkiti atau disyaki mengidap COVID-19.</li> <li>• Menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun dan air.</li> </ul>
Kapasiti Tenaga Kerja	a) $\leq 60\%$ daripada kapasiti biasa bagi ekonomi yang dibenarkan. b) Pergerakan pekerja hanya pergi dan balik dari rumah ke tempat kerja sahaja.
Pengurusan Tenaga Kerja	Boleh dibenarkan bekerja secara penggiliran hari atau syif dengan ketetapan $\leq 60\%$ daripada Tenaga Kerja Operasi pada suatu masa.
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibenarkan (dengan surat pelepasan majikan/ pas pekerja):               <ol style="list-style-type: none"> <li>Antara Daerah</li> <li>Antara Negeri</li> </ol> </li> <li>• Pekerja wajib membawa surat kelulusan beroperasi dari Agensi Diberi Kuasa</li> <li>• Syarikat/ Premis Perniagaan hendaklah mempamerkan surat kelulusan beroperasi tersebut.</li> </ul>
Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja dan pelanggan perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.</li> <li>• Pekerja dan pelanggan diwajibkan merekodkan kehadiran melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon secara manual sekiranya tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah.</li> </ul>